




KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

PENDIDIKAN *Seni Visual*

KELAS PERALIHAN





RUKUN NEGARA

Bahawasanya Negara Kita Malaysia
mendukung cita-cita hendak;

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan
seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap
tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,
berikrar akan menumpukan
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut
berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

KURIKULUM STANDARD KELAS PERALIHAN

PENDIDIKAN SENI VISUAL

KELAS PERALIHAN

PENULIS

Noriza binti Arzain
Mohamad Rizal bin Salleh

EDITOR

Fikri Hakim bin Zaini

PEREKA BENTUK

Al Fatma binti Ibrahim

ILUSTRATOR

Md. Nazim bin Udin



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

No. Siri Buku: 0088

KPM2019 ISBN 978-967-2212-66-9

Cetakan Pertama 2019

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:

Aras Mega (M) Sdn. Bhd. (164242-W)

No. 18 & 20, Jalan Damai 2,

Taman Desa Damai, Sungai Merab,

43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

No. Telefon: 03-89258975

No. Faks: 03-89258985

Laman Web: www.arasmega.com

Reka Letak dan Atur Huruf:

Aras Mega (M) Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Minion Pro

Saiz Muka Taip Teks: 11 poin

Dicetak oleh:

Percetakan Surya Sdn. Bhd. (328268-V)

Plot 29, Jalan IKS BK 2,

Taman IKS Bukit Katil,

75450 Bukit Katil, Melaka.

No. Telefon: 06-2324475/4479

No. Faks: 03-2324960

PENGHARGAAN

Penghasilan buku ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penambahbaikan Pruf Muka Surat, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Pembedulan Pruf Muka Surat, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai-pegawai Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Aras Mega (M) Sdn. Bhd.
- Semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menjayakan penerbitan buku ini.

KANDUNGAN

Pendahuluan	v
BIDANG: SENI HALUS	1

TAJUK 1 SENI LUKISAN



2

TAJUK 2 SENI CATAN



22

TAJUK 3 SENI ARCA



44

TAJUK 4 SENI CETAKAN



60

BIDANG: REKA BENTUK

79

TAJUK 5
REKA BENTUK



80

BIDANG: SENI KRAF

99

TAJUK 6
SENI SERAMIK



100

BIDANG: KOMUNIKASI VISUAL

117

TAJUK 7
SENI REKA GRAFIK



118

Glosari

137

Rujukan

138

PENDAHULUAN

Pendidikan Seni Visual Kelas Peralihan merupakan buku teks yang dihasilkan berdasarkan keperluan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Seni Visual Kelas Peralihan dan Kurikulum Standard Kelas Peralihan (KSKP) yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kandungan buku ini berasaskan empat bidang utama pembelajaran:

BIDANG: SENI HALUS

- Seni Lukisan
- Seni Catan
- Seni Arca
- Seni Cetakan

BIDANG: REKA BENTUK

- Reka Bentuk

BIDANG: SENI KRAF

- Seni Seramik

BIDANG: KOMUNIKASI VISUAL

- Seni Reka Grafik

Strategi pembelajaran buku ini menerapkan pelbagai pendekatan pembelajaran yang sesuai dengan keperluan semasa menerusi penerangan ikon seperti KBAT, Info, Asas Keusahawanan dan lain-lain.

Buku ini merupakan saluran penyampaian ilmu bagi merealisasikan keperluan KSKP untuk kegunaan murid di sekolah. Guru boleh mengubah suai atau membina modul yang bersesuaian dalam mempelbagaikan pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP). Proses penghasilan karya digunakan untuk rujukan guru dan murid.


PENERANGAN IKON

	<p>Membuat persepsi dan memahami Bahasa Seni Visual pada alam ciptaan Tuhan serta karya seni.</p>		<p>Memacu idea kreatif dan inovatif untuk dipasarkan.</p>
	<p>Eksplorasi dan aplikasi Bahasa Seni Visual menerusi penerokaan media, teknik dan proses dalam aktiviti seni.</p>		<p>Nilai-nilai murni yang diajar dan diterapkan kepada murid.</p>
	<p>Penzahiran idea dan konsep melalui penggunaan pelbagai media, teknik dan proses daripada pelbagai sumber dan teknologi dalam penjaanaan tugasan.</p>		<p>Memberikan maklumat dalam bentuk QR Code yang boleh diimbas menggunakan aplikasi khas di dalam telefon pintar atau tablet.</p>
	<p>Apresiasi terhadap karya sendiri dan rakan berpandukan Bahasa Seni Visual dan menghubungkan seni visual dengan kehidupan dan disiplin ilmu yang lain.</p>		<p>Penggunaan bahan multimedia dalam aktiviti.</p>
	<p>Memberikan panduan kepada guru untuk melaksanakan aktiviti atau mencadangkan aktiviti tambahan lain yang boleh dilaksanakan oleh murid.</p>		<p>Penilaian bagi menguji kefahaman murid tentang sesuatu topik.</p>
	<p>Memberikan maklumat tambahan kepada murid.</p>		<p>Penilaian bagi menguji pengetahuan dan pemahaman murid pada akhir sesuatu bidang.</p>
	<p>KBAT Soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.</p>		<p>Rumusan kandungan bagi setiap tajuk yang menggunakan peta minda.</p>

BIDANG: SENI HALUS

Seni Halus mengandung empat tajuk utama iaitu Seni Lukisan, Seni Catan, Seni Arca dan Seni Cetakan. Pemahaman dan pengetahuan yang tepat dalam bidang ini mampu membantu murid dalam membina kemahiran seni visual dan penghayatan nilai estetik yang baik terhadap karya-karya seni.





STANDARD KANDUNGAN

- 1.1 Persepsi Seni dalam Seni Lukisan
- 1.2 Eksplorasi Seni dalam Seni Lukisan
- 1.3 Ekspresi Seni dalam Seni Lukisan
- 1.4 Apresiasi Seni dalam Seni Lukisan

TAJUK 1

SENI LUKISAN

Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 1.1.1 Menyatakan maksud Lukisan dengan menggunakan bahasa yang betul.
- 1.1.2 Mengenal pasti Bahasa Seni Visual dalam Seni Lukisan.
- 1.2.1 Mengaplikasikan pelbagai media, teknik dan proses melalui penerokaan pada alam semula jadi dan objek buatan manusia dalam penghasilan karya Seni Lukisan.
- 1.3.1 Menghasilkan karya Seni Lukisan dengan menggunakan idea yang kreatif dan inovatif dengan menumpukan aspek:
 - i) Bahasa Seni Visual
 - ii) Kemasan Akhir
- 1.4.1 Mempamerkan hasil karya seni.
- 1.4.2 Menghayati dan menjelaskan hasil karya seni sendiri dan rakan dengan menumpukan aspek Bahasa Seni Visual.
- 1.4.3 Menceritakan pengalaman sendiri dalam penghasilan karya seni dengan menggunakan bahasa yang betul.

Maksud Lukisan

Lukisan ialah lakaran atau karya yang berbentuk dua dimensi di atas permukaan rata seperti kertas, kanvas, dinding dan lain-lain.

Lukisan menggunakan media kering iaitu pensel, pen, pensel warna, arang dan pastel.

Lukisan juga menggabungkan elemen garisan, jalinan, rupa, bentuk dan ruang.




Rajah 1.1 Lukisan prasejarah Gua Tambun, Perak.



Sejarah lukisan telah bermula sejak zaman prasejarah di mana lukisan dilukis pada dinding gua. Penemuan awal lukisan gua di Malaysia terdapat di Gua Niah, Sarawak dan Gua Tambun, Perak.



Lukisan alam semula jadi.



Lukisan bentuk geometri.


Rajah 1.2 Contoh lukisan alam semula jadi dan bentuk geometri dengan menggunakan teknik garisan.

BAHASA SENI VISUAL DALAM SENI LUKISAN


UNSUR SENI

Garisan


Garisan ialah cantuman dari satu titik ke satu titik pada sesuatu permukaan. Pelbagai jenis garisan boleh memberikan kesan yang berbeza dari segi ton.




Garisan lurus




Garisan menegak




Garisan nipis tebal



Garisan putus-putus




Garisan beralun



Garisan bergerigi (zig-zag)

Rajah 1.3 Contoh-contoh garisan.



Rajah 1.4 Pelbagai jenis garisan digunakan dalam lukisan.




Layari laman sesawang <https://arasmega.com/qr-link/garisan-dalam-seni-lukisan/> untuk mengetahui pelbagai jenis garisan yang terdapat dalam seni lukisan. (Dicapai pada 17 September 2019)

Bentuk

Bentuk adalah paparan tiga dimensi yang dapat dihasilkan di atas permukaan kertas dengan menggunakan kesan cahaya dan bayang dalam penghasilan lukisan.



Fungsi cahaya dan bayang dalam menghasilkan bentuk dalam lukisan.



Lukisan bentuk geometri.



Lukisan bentuk organik.

Rajah 1.5 Penggunaan bentuk dalam lukisan.

Jalinan

Jalinan ialah kesan yang menunjukkan sifat permukaan dalam karya lukisan dan dapat dilihat tetapi tidak dapat dirasai melalui sentuhan.



Rajah 1.6 Penggunaan jenis dan kualiti garisan yang pelbagai pada lukisan nanas dapat menghasilkan kesan jalinan permukaan objek.

PRINSIP REKAAN

Kesatuan

Prinsip kesatuan dalam lukisan merupakan gabungan idea atau tema yang sama bagi menunjukkan kesan yang menarik, indah dan teratur.



Rajah 1.7 Pengulangan rupa yang sama menimbulkan kesan yang menarik dan teratur.

Kepelbagaian

Kepelbagaian dalam lukisan dapat dihasilkan melalui penggunaan unsur seni seperti garisan, bentuk, jalinan, rupa dan warna yang pelbagai dalam sesuatu karya.




Rajah 1.8 Penggunaan jalinan dan garisan secara berulang memberi kesan kepelbagaian dalam karya lukisan.

Imbangan

Imbangan simetri adalah pembahagian yang sama antara kiri dan kanan atau atas dan bawah.

Imbangan tidak simetri adalah pembahagian yang tidak sama di kedua-dua bahagian.



Rajah 1.9 Imbangan simetri.

INFO

Imbangan tidak simetri juga dikenali sebagai imbangan asimetri.



Rajah 1.10 Imbangan tidak simetri.

Tujuan:

- Menunjukkan pemahaman terhadap Seni Lukisan.
- Mengenal pasti Bahasa Seni Visual dalam Seni Lukisan.

Langkah:

1. Guru memaparkan slaid objek buatan manusia yang terdapat di sekitar kawasan sekolah.
2. Lukiskan unsur garisan, bentuk dan jalinan yang terdapat pada objek buatan manusia tersebut pada kertas lukisan.
3. Bincangkan hasil lukisan dengan rakan-rakan anda.
4. Persembahkan hasil perbincangan menggunakan tayangan multimedia di hadapan kelas anda.



Meja



Kerusi



Bekas minuman




Tin minuman

Rajah 1.11 Contoh lukisan objek buatan manusia yang terdapat di sekitar kawasan sekolah.

MEDIA LUKISAN

Pensel

Media kering yang biasa digunakan dalam menghasilkan lukisan. Kesan tona garisan ditentukan melalui gred pensel.



Rajah 1.12 Jenis media dan kesan lorekan menggunakan pensel.

Pen

Terdapat pelbagai jenis pen seperti pen kaligrafi, pen teknikal, pen marker dan sebagainya. Perbezaan jenis pen akan memberikan kesan lorekan yang berbeza.



Rajah 1.13 Jenis media dan kesan garisan menggunakan pen.

Pensel Warna

Media kering yang mempunyai pelbagai ton warna.



Rajah 1.14 Jenis media dan kesan lorekan menggunakan pensel warna.

Arang

Arang yang digunakan untuk melukis akan menghasilkan kesan yang lebih gelap.



Rajah 1.15 Jenis media dan kesan lorekan menggunakan arang.

Pastel

Dua jenis pastel yang digunakan ialah *oil pastel* dan *soft pastel*.



Rajah 1.16 Jenis media dan kesan lorekan menggunakan *oil pastel*.



Rajah 1.17 Jenis media dan kesan lorekan menggunakan *soft pastel*.

INFO


Karya yang telah siap perlu dimatikan menggunakan pemati warna atau *fixer* bagi mengelakkan warna tertanggal.

TEKNIK-TEKNIK LUKISAN


Terdapat beberapa teknik yang boleh digunakan dalam menghasilkan sesuatu lukisan.



Teknik garisan selari



Teknik silang pangkah



Teknik gosokan



Teknik titik

Rajah 1.18 Teknik-teknik lukisan.



Bolehkah anda senaraikan kepentingan lukisan dalam kehidupan manusia?

Teknik dalam Lukisan

Terdapat pelbagai teknik dalam menghasilkan lukisan iaitu teknik garisan selari, teknik titik, teknik lorekan dan teknik contengan. Aplikasi teknik tersebut merupakan perkara yang penting untuk menunjukkan bentuk, jalinan dan rupa dalam sesuatu lukisan.



Teknik contengan



Teknik lorekan




Teknik
garisan selari




Rajah 1.19 Lukisan alam semula jadi dengan menggunakan pelbagai teknik garisan.


TEKNIK DAN PROSES MENGHASILKAN LUKISAN DAUN




Lukiskan garisan luar rupa daun.



Masukkan garisan untuk menampakkan urat daun.



Gunakan teknik garisan lorekan bagi menunjukkan terang gelap pada daun tersebut.



Tambahkan kesan bayang pada daun untuk mendapatkan bentuk yang lebih baik.

Rajah 1.20 Proses penghasilan lukisan daun.

Aktiviti Eksplorasi

Tujuan:

Mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman terhadap pelbagai media, teknik dan proses melalui penerokaan pada alam semula jadi dan objek buatan manusia dalam penghasilan karya Seni Lukisan.

Lokasi:

Kawasan sekolah.

Langkah:

1. Guru membawa murid untuk membuat pemerhatian di sekitar kawasan sekolah.
2. Perhatikan dan pilih satu objek alam semula jadi atau objek buatan manusia.
3. Murid dikehendaki melukis objek yang telah dipilih dengan menggunakan teknik yang telah dipelajari.
4. Persembahkan hasil lakaran di hadapan kelas.



Contoh objek buatan manusia yang dipilih.






Teknik selari




Teknik silang pangkah

Rajah 1.21 Contoh objek buatan manusia dan lakaran objek.

1. Nyatakan tiga teknik menghasilkan lukisan.

- i. _____ 
- ii. _____ 
- iii. _____ 

2. Isikan jenis teknik lukisan berdasarkan gambar yang diberi.



Lorekan

Garisan selari

Titik

Gosokan


Tajuk:

Lukisan karikatur

Tema:

Haiwan kesayangan saya

Alat dan bahan:



Tujuan:

- Menggunakan pelbagai media, proses dan teknik dalam penghasilan karya.
- Menzahirkan idea secara kreatif dan inovatif.

Langkah:

1. Bahagikan murid kepada beberapa kumpulan.
2. Murid diminta untuk menghasilkan lukisan karikatur haiwan kesayangan.
3. Lukis karikatur dengan mengaplikasikan Bahasa Seni Visual dan teknik lukisan yang telah dipelajari.
4. Pamerkan hasil karya seni kumpulan semasa Apresiasi Seni.



Layari laman sesawang <https://arasmega.com/qr-link/cara-melukis-karikatur-haiwan-kesayangan/> untuk menonton video cara melukis karikatur haiwan kesayangan. (Dicapai pada 17 September 2019)

Langkah 1



Mulakan dengan melukis muka kucing kesayangan anda.

Langkah 2



Lukiskan mata dan telinga kucing dengan membesarkan bentuk tersebut agar ia kelihatan seperti karikatur.

Langkah 3



Seterusnya, lukiskan badan kucing. Badan kucing dilukis lebih kecil daripada muka bagi memperlihatkan ciri-ciri karikatur.

Langkah 4



Kemudian murid boleh menggunakan teknik garisan sedikit demi sedikit.

Langkah 5



Murid perlu mengenal pasti arah cahaya dan bayang bagi membentuk kucing tersebut.

Langkah 6



Kemaskan lukisan dengan memasukkan ton terang dan gelap bagi memperincikan lukisan tersebut.



Karya yang telah siap.



Jaga kebersihan dan keselamatan semasa menjalankan aktiviti ini.

Rajah 1.22 Proses penghasilan lukisan karikatur.

Tujuan:

- Membuat apresiasi hasil karya berpandukan elemen rekaan yang digunakan.

Bahan:

- Hasil karya seni murid dalam aktiviti Ekspresi Seni.

Langkah:

1. Buat satu Sudut Seni di dalam kelas anda.
2. Pamerkan karya masing-masing di Sudut Seni tersebut.
3. Guru dan murid akan bergerak dari satu karya ke satu karya. Kemudian guru akan memilih lima karya yang terbaik daripada karya yang dipamerkan.
4. Buat pemerhatian dan catatkan di dalam buku nota. Murid yang karyanya terpilih perlu membuat apresiasi berpandukan elemen rekaan pada karya yang dihasilkan.





RUMUSAN

Seni Lukisan

Maksud

Lukisan ialah lakaran atau karya yang berbentuk dua dimensi di atas permukaan rata. Proses menggambar secara spontan atau dirancang menggunakan kekuatan garisan untuk mengeluarkan imej.


Bahasa Seni Visual

Unsur Seni


- Garisan
- Bentuk
- Jalinan

Prinsip Rekaan

- Kesatuan
- Kepelbagaian
- Imbangan



Media kering dan contoh karya media kering





LATIHAN SUMATIF


Soalan Objektif

Pilih jawapan yang betul.

1. Media berikut meninggalkan kesan paling gelap dan tebal dalam lukisan.
 - A. Pastel
 - B. Arang
 - C. Pensel
 - D. Pensel warna
2. Peranan ton dalam melukis sesuatu objek adalah
 - A. menimbulkan kesan bentuk
 - B. menimbulkan kesan rupa
 - C. mempelbagaikan rupa
 - D. memperjelas objek
3. Teknik garisan digunakan dalam penghasilan lukisan untuk menimbulkan
 - A. bentuk
 - B. jalinan
 - C. warna
 - D. rupa
4. Di manakah lukisan pra sejarah di Malaysia?
 - A. Gua Batu Caves, Selangor
 - B. Gua Tempurung, Perak
 - C. Gua Tambun, Perak
 - D. Gua Kelam, Perlis
5. Seni yang membentuk objek dengan menggunakan teknik garisan dan ton menerangkan tentang
 - A. cetakan
 - B. lukisan
 - C. catan
 - D. kolaj



Layari laman sesawang <https://arasmega.com/qr-link/latihan-seni-lukisan/> untuk memaparkan latihan tambahan untuk murid. (Dicapai pada 17 September 2019)



STANDARD KANDUNGAN

- 2.1 Persepsi Seni dalam Seni Catan
- 2.2 Eksplorasi Seni dalam Seni Catan
- 2.3 Ekspresi Seni dalam Seni Catan
- 2.4 Apresiasi Seni dalam Seni Catan

TAJUK 2

SENI CATAN

Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 2.1.1 Menyatakan maksud Catan dengan menggunakan bahasa yang betul.
- 2.1.2 Mengenal pasti Bahasa Seni Visual dalam Seni Catan.
- 2.2.1 Mengaplikasikan pelbagai media, teknik dan proses melalui penerokaan pada alam semula jadi dan objek buatan manusia dalam penghasilan karya Seni Catan.
- 2.3.1 Menghasilkan karya Seni Catan dengan menggunakan idea yang kreatif dan inovatif dengan menumpukan aspek:
 - i) Bahasa Seni Visual
 - ii) Kemasan Akhir
- 2.4.1 Mempamerkan hasil karya seni.
- 2.4.2 Menghayati dan menjelaskan hasil karya seni sendiri dan rakan dengan menumpukan aspek Bahasa Seni Visual.
- 2.4.3 Mempamerkan hasil karya seni.

Maksud Catan

Catan ialah karya seni yang dihasilkan menggunakan media basah seperti cat air, cat akrilik, cat tempera dan cat minyak pada pelbagai permukaan.

Catan merupakan karya bagi pelukis meluahkan perasaan dan merakamkan gambaran yang diterjemahkan dalam bentuk imej visual secara nyata atau abstrak. Catan juga berfungsi menceritakan sesuatu peristiwa atau menyampaikan sesuatu maksud.



Rakaman peristiwa

Rajah 2.1 Fungsi karya Seni Catan.

BAHASA SENI VISUAL DALAM SENI CATAN

UNSUR SENI

Ruang

Ruang ilusi adalah ruang tampak yang wujud dalam sebuah karya seni visual catan.

Ruang ilusi terbahagi kepada tiga jenis iaitu ruang dalam, ruang cetek dan ruang rata.

Ruang cetek




Ruang yang terbatas atau terhad.

Ruang dalam



Memperlihatkan ruang hadapan, tengah dan belakang.

Ruang rata



Wujud pada ruang yang sama.

Rajah 2.2 Penggunaan ruang dalam karya Seni Catan.

Bentuk

Bagi menghasilkan karya dua dimensi yang dapat mencipta bentuk, penggunaan kesan cahaya dan bayang merupakan faktor terpenting.



Rajah 2.3 Penghasilan bentuk melalui kesan cahaya dan bayang.

Warna

Warna penting dalam Seni Catan bagi mencipta kesan ruang dan suasana yang ingin digambarkan.



Warna yang digunakan dapat memberikan suasana panas.



Warna yang digunakan dapat menimbulkan bentuk dengan penggunaan ton warna.

Rajah 2.4 Contoh penggunaan warna dalam karya Seni Catan.

PRINSIP REKAAN

Harmoni

Harmoni dapat memberikan pelbagai kesan imej pada sesebuah karya seperti keselesaan, ketenangan, keseimbangan dan menarik melalui unsur-unsur seni iaitu warna, jalinan dan bentuk.



Zuriati Shaari, 2019

Rajah 2.5 Kesan harmoni diwujudkan dengan penggunaan warna dan jalinan untuk gambaran yang menarik dan seimbang.

Irama dan Pergerakan

Irama dan pergerakan dapat diwujudkan dengan pengulangan sesebuah karya. Imej yang berulang akan menimbulkan ilusi pergerakan yang menampakkan lebih hidup dan realistik.



Zuriati Mohamed Shaari, 2017



Muhammad Azzat bin Abdul Rashid, 2019

Rajah 2.6 Irama dan pergerakan yang terhasil daripada olahan bentuk, rupa dan garisan yang berulang menjadikan ia lebih berkesan.

Kesatuan

Kesatuan membawa maksud gabungan unsur seni dan prinsip rekaan yang diolah bagi menghasilkan komposisi yang teratur dan menarik.



Rajah 2.7 Kesatuan dalam karya catan ini terhasil daripada susunan bentuk yang teratur dan menarik.

Tujuan:

- Menunjukkan pemahaman murid terhadap Bahasa Seni Visual dalam Seni Catan.

Langkah:

1. Guru mengimbas QR Code di bawah untuk memaparkan sebuah contoh karya Seni Catan.
2. Guru memaparkan slaid karya Seni Catan menggunakan perisian multimedia.
3. Kemudian, guru bersoal jawab bersama pelajar tentang Bahasa Seni Visual yang terdapat pada contoh karya catan tersebut iaitu bentuk, warna dan harmoni.
4. Dapatkan maklumat daripada bahan bacaan atau carian di laman sesawang dan catatkan.



Rajah 2.8 Karya Seni Catan untuk rujukan murid.




Layari laman sesawang <https://arasmega.com/qr-link/aktiviti-multimedia-seni-catan/> untuk memaparkan contoh karya Seni Catan di atas. (Dicapai pada 17 September 2019)

Lihat gambar di bawah. Antara berikut yang manakah merupakan aktiviti penghasilan karya catan? Bincangkan.

Jelaskan definisi catan.

Apakah fungsi catan kepada pelukis?



Senaraikan Bahasa Seni Visual dalam catan.

- Unsur Seni**
- _____
 - _____
 - _____
 - _____

- Prinsip Rekaan**
- _____
 - _____
 - _____

MEDIA CATAN

Cat air

Bahantara: Air

Ciri-ciri :

- Bersifat lembut
- Lut sinar tetapi boleh dijadikan legap dengan sapuan warna yang tebal.




Cat poster

Bahantara: Air

Ciri-ciri :

- Bersifat legap.



Cat minyak

Bahantara: Turpetin

Ciri-ciri :

- Lambat kering.
- Pelbagai teknik.
- Legap dan tebal.
- Berkilat dan licin.

Cat akrilik

Bahantara: Air

- Ciri-ciri :
- Berkilat.
 - Bersifat legap.
 - Cepat kering.
 - Lut sinar.



Cat tempera

Bahantara: Air

- Ciri-ciri :
- Bersifat sedikit lut sinar.



Cat gouache

Bahantara: Turpetin

- Ciri-ciri :
- Sama seperti cat air tetapi legap.



INFO


Cat tempera teknik tertua dalam seni catan.

TEKNIK CATAN

TEKNIK CAT AIR

(a) Basah atas basah


Sapuan bancuhan warna ke atas permukaan kertas yang basah.



Rajah 2.9 Hasil karya menggunakan teknik basah atas basah.


(b) Basah atas kering

Sapuan bancuhan warna cair ke atas permukaan yang kering.





Rajah 2.10 Hasil karya menggunakan teknik basah atas kering.

- (c) **Kering atas basah**
Sapuan warna pekat ke atas permukaan kertas basah.



Rajah 2.11 Hasil karya menggunakan teknik kering atas basah.

- (d) **Kering atas kering**
Menggunakan warna tanpa campuran air dan disapukan pada permukaan kertas yang kering.



Rajah 2.12 Hasil karya menggunakan teknik kering atas kering.

TEKNIK CAT MINYAK

(a) Teknik *impasto*

Teknik sapuan warna yang tebal dan mempunyai jalinan sentuh. Kebiasaannya, teknik ini menggunakan berus dan pisau palit bagi menimbulkan kesan jalinan.



Rajah 2.14 Hasil karya menggunakan teknik *impasto*.

(b) Teknik *glazing*


Aplikasi sapuan warna yang nipis dan berlapis-lapis bagi menimbulkan kesan lut sinar dan berkilau.



Rajah 2.15 Hasil karya menggunakan teknik *glazing*.

(c) Teknik *hard edge*

Teknik ini menggunakan warna yang legap dan sapuan yang kemas. Kebiasaannya, aplikasi teknik ini menggunakan pita pekat untuk memisahkan warna bagi mendapatkan hasil yang tepat dan kemas.



Rajah 2.16 Hasil karya menggunakan teknik *hard edge*.

(d) Teknik titik

Aplikasi teknik titik-titik bagi menimbulkan imej.



Rajah 2.17 Hasil karya menggunakan teknik titik.


TEKNIK DAN PROSES MENGHASILKAN CATAN POKOK KELAPA



1
Basahkan permukaan kertas kemudian sapukan warna pada bahagian latar belakang.



2
Gabungkan warna kuning, coklat dan hitam untuk mewarnakan batu serta tanah.



3
Sapukan warna yang lebih gelap pada bahagian celahan daun, batu dan batang pokok untuk menimbulkan bentuk yang lebih jelas.



4
Karya yang telah siap.

Rajah 2.18 Proses penghasilan catan cat air.

Aktiviti Eksplorasi

Setelah mengenali pelbagai media dan teknik Seni Catan yang telah dijelaskan, murid dikehendaki untuk melakukan eksperimentasi serta penerokaan terhadap cat air. Hasilkan sebuah catan air daripada aktiviti yang dicadangkan seperti berikut.

Tujuan:

- Mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman terhadap pelbagai media, teknik dan proses melalui penerokaan pada alam semula jadi dan objek buatan manusia dalam penghasilan karya Seni Catan.

Tema:

- Alam semula jadi seperti suasana dan pemandangan di pergunungan, kampung, tepi pantai, kawasan sungai dan sebagainya.

Langkah:

1. Lakukan aktiviti ini secara individu.
2. Sediakan media cat air untuk menghasilkan karya.
3. Gunakan kertas cat air untuk meneroka teknik catan yang sesuai.
4. Hasilkan karya catan dengan menggunakan media cat air bertemakan tajuk di atas.
5. Anda boleh melakukan aktiviti ini di luar bilik darjah.



Layari laman sesawang <http://arasmega.com/qr-link/proses-catan-bunga-teknik-basah-atas-kering/> untuk mempelajari proses menghasilkan catan bunga menggunakan teknik basah atas kering. (Dicapai pada 17 September 2019)

Murid dihendaki menghasilkan sebuah catan *pop art* berdasarkan langkah-langkah di bawah.

Alat dan bahan:



Jaga kebersihan dan keselamatan semasa menjalankan aktiviti ini.

Langkah:



Rajah 2.19 Proses melakar dan mewarna catan.

Tujuan:

- Membuat apresiasi seni berdasarkan karya yang telah dihasilkan dengan menggunakan Seni Catan.


Bahan:

- Hasil karya seni murid dalam aktiviti Ekspresi Seni.

Langkah:

1. Pilih dua karya yang terbaik daripada bahagian Ekspresi Seni.
2. Tampilkan karya tersebut di hadapan kelas untuk dipamerkan.
3. Persembahkan dan ceritakan dengan teliti daripada aspek Bahasa Seni Visual tentang penghasilan karya Seni Catan.
4. Nyatakan juga penggunaan media, teknik dan elemen seni yang digunakan.
5. Kongsikan pengalaman anda dalam penghasilan karya tersebut dan buat catatan.





INFO



Allahyarham Dato' Syed Ahmad Jamal merupakan salah seorang pelukis catan yang tersohor di Malaysia.

Soalan Objektif

Pilih jawapan yang betul.

1. Antara berikut, yang manakah merupakan teknik catan air?
 - A. Teknik basah atas kering
 - B. Teknik *scumbling*
 - C. Teknik *impasto*
 - D. Teknik *glazing*







2. Semua pernyataan di bawah adalah mengenai catan minyak **kecuali**
 - A. menggunakan linsid sebagai bahan pengilat
 - B. teknik basah atas kering
 - C. menggunakan kanvas
 - D. kesan legap


3. Teknik *impasto* merupakan teknik dalam
 - A. cat *gouache*
 - B. cat minyak
 - C. cat akrilik
 - D. cat poster





4. Hasil karya catan adalah dalam bentuk
 - A. dua dimensi
 - B. tiga dimensi
 - C. landskap
 - D. potret

Soalan Subjektif

Berikan jawapan yang tepat.

1. Senaraikan jenis-jenis media catan.
 - i.  _____
 - ii.  _____
 - iii.  _____
 - iv.  _____
 - v.  _____
 - vi.  _____

2. Nyatakan perbezaan bahantara antara cat minyak dan cat akrilik.
 

3. Berikan jenis-jenis teknik catan air.
 - i.  _____
 - ii.  _____
 - iii.  _____
 - iv.  _____

AKTIVITI

Warnakan sembilan perkataan tersembunyi di bawah yang berkaitan dengan Seni Catan.

Cari Kata

G	T	X	M	B	X	G	L	J	W
S	C	G	L	A	Z	I	N	G	A
H	A	N	V	P	L	V	Q	G	R
A	K	M	X	Z	U	J	Z	R	N
R	R	D	K	A	L	J	J	L	A
M	I	R	U	A	N	G	R	Q	X
O	L	K	E	S	A	T	U	A	N
N	I	I	M	P	A	S	T	O	A
I	K	G	O	U	A	C	H	E	J
L	E	G	A	P	G	D	K	I	D

Petunjuk:

1. *Gouache*
2. Harmoni
3. Akrilik
4. *Glazing*
5. Ruang
6. Kesatuan
7. *Impasto*
8. Warna
9. Legap



Koleksi Art Trivium,
Universiti Teknologi Mara
Shah Alam, Arca Binaan.

STANDARD KANDUNGAN

- 3.1 Persepsi Seni dalam Seni Arca
- 3.2 Eksplorasi Seni dalam Seni Arca
- 3.3 Ekspresi Seni dalam Seni Arca
- 3.4 Apresiasi Seni dalam Seni Arca

TAJUK 3

SENI ARCA

Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 3.1.1 Menyatakan maksud Arca dengan menggunakan bahasa yang betul.
- 3.1.2 Mengenal pasti Bahasa Seni Visual dalam Seni Arca.
- 3.2.1 Mengaplikasikan pelbagai media, teknik dan proses melalui penerokaan pada alam semula jadi dan objek buatan manusia dalam penghasilan karya Seni Arca.
- 3.3.1 Menghasilkan karya Seni Arca dengan menggunakan idea yang kreatif dan inovatif dengan menumpukan aspek:
 - i) Bahasa Seni Visual
 - ii) Kemasan Akhir
- 3.4.1 Mempamerkan hasil karya seni.
- 3.4.2 Menghayati dan menjelaskan hasil karya seni sendiri dan rakan dengan menumpukan aspek Bahasa Seni Visual.
- 3.4.3 Menceritakan pengalaman sendiri dalam penghasilan karya seni dengan menggunakan bahasa yang betul.

Maksud Arca

Arca adalah satu karya seni berbentuk tiga dimensi yang mempunyai isi padu dan jisim. Arca boleh disentuh dan dilihat dari pelbagai sudut.

Arca terbahagi kepada dua kategori iaitu arca estetik dan arca berfungsi.

Arca

Arca Estetik

Bertujuan untuk dihayati nilai estetik dan keindahannya.

Arca ini diletakkan di dalam ruang galeri atau ruang terbuka.



Mohd Razif Bin Mohd Rathi,
Resilience Series Vertical Coalition


Arca Berfungsi

Digunakan dan berfungsi untuk tujuan dan keadaan tertentu.



Rajah 3.1 Hasil karya arca estetik dan arca berfungsi.

JENIS-JENIS ARCA



Arca Binaan

Satu jenis bahan yang sama digunakan untuk mencantum, membina dan menambah sehingga menjadi struktur yang besar secara teratur. Bahan yang digunakan seperti kayu, batu simen, logam, dawai, keluli dan sebagainya.

Arca binaan berasaskan teknik berkerangka atau tidak berkerangka.



Mohd Razif Bin Mohd Rathi,
Resilience Series Balance



Mohd Razif Bin Mohd Rathi, *The Unity of Truth*

Rajah 3.2 Hasil karya arca binaan.

Arca Stabail

Arca stabail ialah satu binaan arca yang bergerak secara terhad, tidak terawang-awang dan mempunyai tapak.



Rajah 3.3 Ramlah Abdullah, 2019, Arca stabail

Arca Asemblaj

Cantuman daripada pelbagai himpunan bahan yang berbeza. Bahan digunakan seperti kayu, logam dan bahan terbuka.



Rajah 3.4 Muhammad Fazuwan bin Termizi, 2019, Arca asemblaj

Arca Mobail

Dikenali sebagai seni kinetik. Ia boleh bergerak sendiri.



Rajah 3.5 Muhammad Hazizi Azmi, *Running with Nothing*, Arca mobail

Arca Dinding

Arca dinding dipamerkan dengan pelbagai cara seperti digantung atau dilekat pada dinding.



Rajah 3.6 Alia Suhaili binti Zainu, 2019, Arca dinding

BAHASA SENI VISUAL DALAM SENI ARCA

UNSUR SENI

Bentuk

Unsur yang berbentuk tiga dimensi, memberikan sifat yang boleh disentuh dan dilihat dari pelbagai sudut.



Bentuk organik



Bentuk geometrik

Rajah 3.7 Bentuk dalam Seni Arca.

Ruang

Jarak mewujudkan ruang pada arca. Objek di hadapan kelihatan lebih besar daripada objek yang terletak di belakang.



Ruang terbuka atau nyata



Ruang tertutup atau galeri

Rajah 3.8 Contoh ruang dalam Seni Arca.

Jalinan

Kesan yang terdapat pada permukaan sesuatu objek. Terbahagi kepada dua iaitu jalinan sentuh dan jalinan tampak.




Rajah 3.9 Contoh jalinan sentuh dalam Seni Arca.

PRINSIP REKAAN

Imbangan

Keseimbangan merujuk kepada unsur yang memberikan kestabilan dari segi bentuk, ruang dan jalinan. Unsur ini menjadikan arca kukuh dan stabil. Terbahagi kepada imbangan simetri dan tidak simetri.



Imbangan simetri



Imbangan tidak simetri

Rajah 3.10 Contoh imbangan dalam Seni Arca.

Irama dan Pergerakan

Kesan pengulangan objek, bentuk, ruang, garisan, rupa dan jalinan. Ini dapat mewujudkan pergerakan yang tersusun dan sekata pada arca.



Rajah 3.11 Irama dan pergerakan dalam Seni Arca.

Tujuan:


- Menunjukkan pemahaman terhadap Seni Arca.
- Mengenal pasti Bahasa Seni Visual dalam Seni Arca.
- Mendokumentasi jenis-jenis arca.

Langkah:





1. Hasilkan buku skrap yang mengandungi koleksi gambar atau lukisan arca yang terdapat di persekitaran anda.
2. Kenal pasti jenis arca dan buat catatan ringkas penggunaan Bahasa Seni Visual yang terdapat pada arca tersebut.



Senaraikan perbezaan antara arca estetik dan arca berfungsi.



TEKNIK PENGHASILAN SENI ARCA

Jenis Arca	Alat dan Bahan	Teknik Penghasilan
<p>Arca luakan</p> 	<ul style="list-style-type: none"> • Pahat, penukul, alat pengukir, pengikis, kikir dan kertas pasir. • Bongkah kayu, <i>plaster of paris</i>, bongkah ais, batu dan tanah liat. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurangan, pembuangan dan pemotongan bahagian tertentu sehingga bentuk yang dikehendaki terhasil. • Meluak, memotong atau membuang pada bahagian tertentu.
<p>Arca asemblaj</p> 	<ul style="list-style-type: none"> • Cantuman skru, paku dan gam. 	<ul style="list-style-type: none"> • Dihasilkan dengan menggunakan teknik cantuman daripada bahagian atau komponen yang berlainan.
<p>Arca mobail</p> 	<ul style="list-style-type: none"> • Besi, dawai, kertas, tali, kepingan logam dan bahan yang ringan. • Alat pateri, gam, skru, dan gunting. 	<ul style="list-style-type: none"> • Digantung untuk menjadikan objek bergerak, berputar atau berombak. • Memerlukan keseimbangan dan kestabilan untuk berfungsi.
<p>Arca binaan</p> 	<ul style="list-style-type: none"> • Kayu, besi, tanah liat dan batu-bata. 	<ul style="list-style-type: none"> • Dihasilkan dengan menggunakan teknik cantuman bahan yang sama. • Cantuman, tambah atau bina bahan seperti besi.

PROSES PEMBUATAN ROBOT ARCA ASEMBLAJ



1
Lekatkan penutup botol pada tin minuman dengan menggunakan gam sebagai leher.



2
Lekatkan juga sudu dan garpu dengan penyepit pakaian.



3
Gunakan sudu dan garpu untuk dijadikan tangan robot.



4
Tampalkan penutup botol pada bahagian kepala robot.



5
Hiaskan robot yang telah siap dicantum dengan bahan-bahan lain mengikut kreativiti murid.



6
Produk yang telah siap. Pastikan setiap cantuman telah dikemaskan.

Aktiviti Eksplorasi

Dalam Persepsi Seni, anda telah didedahkan tentang jenis-jenis arca dengan menggunakan bahan dan teknik mengikut jenis arca yang dihasilkan. Berdasarkan pengetahuan tersebut, lakukan aktiviti penerokaan di luar kelas bersama guru anda.

Tujuan:

Anda perlu mengaplikasikan pelbagai media, teknik dan proses melalui penerokaan pada alam semula jadi dan objek buatan manusia dalam penghasilan produk Seni Arca.

Bahan:

Bahan terbuka.

Jenis Arca:

Arca asemblaj.

Langkah:

1. Guru membawa murid ke sekitar kawasan sekolah untuk mengumpul bahan terbuka.
2. Murid dikehendaki menghasilkan arca asemblaj dengan menggunakan bahan yang telah dipilih sama ada dari alam semula jadi atau objek buatan manusia.
3. Anda juga dikehendaki memasukkan kesan jalinan pada karya yang telah dihasilkan.
4. Murid dikehendaki mempersembahkan kepada rakan dan guru untuk dinilai.



Layari laman sesawang <https://arasmega.com/qr-link/proses-pembuatan-arca-binaan/untuk-mengetahui-proses-pembuatan-arca-binaan>. (Dicapai pada 17 September 2019)



Murid dikehendaki menghasilkan seni arca dinding dengan menggunakan idea yang kreatif dan inovatif secara berkolaboratif dengan menekankan aspekimbangan dalam menghasilkan arca tersebut.

Alat dan bahan:



Cermin



Sudu Plastik



Gam



Gunting

Langkah:



Gunting memegang sudu.



Letakkan gam pada sudu yang telah dipotong.



NILAI MURNI

Jaga kebersihan dan keselamatan semasa menjalankan aktiviti ini.



Lekatkan sudu di belakang permukaan cermin.



Susun sudu dengan menekankan aspekimbangan.



Penghasilan karya boleh dikemaskan dengan cat untuk nampak lebih menarik.



Apakah unsur seni dan prinsip rekaan yang ditumpukan dalam penghasilan arca mobail?

Tujuan:

- Melakukan apresiasi seni berdasarkan karya Seni Arca dinding yang telah dihasilkan.


Bahan:

- Hasil karya seni murid dalam Ekspresi Seni.

Langkah:

1. Melalui hasil aktiviti yang telah dilakukan di bahagian Ekspresi Seni, pameran hasil Seni Arca yang telah dibuat di dalam kelas.
2. Kemudian, persembahkan dan ceritakan dengan teliti dari aspek Bahasa Seni Visual yang telah digunakan dalam penghasilan karya Seni Arca tersebut.
3. Nyatakan juga penggunaan media, teknik dan proses penghasilan karya Seni Arca.
4. Kongsikan pengalaman anda dalam penghasilan karya tersebut.







LATIHAN SUMATIF


Soalan Objektif


Pilih jawapan yang betul.





1. Antara berikut, yang manakah merupakan elemen penting dalam pembinaan arca?
 - A. Garisan
 - B. Bentuk
 - C. Warna
 - D. Rupa
2. Apakah ciri utama sebuah arca seni?
 - A. Teguh, seimbang dan besar
 - B. Diperbuat daripada besi
 - C. Berbentuk dua dimensi
 - D. Berbentuk tiga dimensi
3. Terdapat dua jenis arca iaitu
 - A. arca dinding dan asemblaj
 - B. arca estetik dan berfungsi
 - C. arca binaan dan mobail
 - D. arca stabail dan timbul
4. Arca yang terhasil dengan penyatuan catan dan ukiran adalah
 - A. arca dinding
 - B. arca mobail
 - C. arca binaan
 - D. arca timbul

Soalan Subjektif

Berikan jawapan yang tepat.

1. Berikan maksud Seni Arca.


2. Apakah perbezaan antara arca mobail dan arca stabail?


3. Senaraikan jenis-jenis arca.
 - i.  _____
 - ii.  _____
 - iii.  _____
 - iv.  _____



STANDARD KANDUNGAN

- 4.1 Persepsi Seni dalam Seni Cetakan
- 4.2 Eksplorasi Seni dalam Seni Cetakan
- 4.3 Ekspresi Seni dalam Seni Cetakan
- 4.4 Apresiasi Seni dalam Seni Cetakan

TAJUK 4

SENI CETAKAN

Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 4.1.1 Menyatakan maksud Cetakan dengan menggunakan bahasa yang betul.
- 4.1.2 Mengenal pasti Bahasa Seni Visual dalam Seni Cetakan.
- 4.2.1 Mengaplikasikan pelbagai media, teknik dan proses melalui penerokaan pada alam semula jadi dan objek buatan manusia dalam penghasilan karya Seni Cetakan.
- 4.3.1 Menghasilkan karya Seni Cetakan dengan menggunakan idea yang kreatif dan inovatif dengan menumpukan aspek:
 - i) Bahasa Seni Visual
 - ii) Kemasan Akhir
- 4.4.1 Mempamerkan hasil karya seni.
- 4.4.2 Menghayati dan menjelaskan hasil karya seni sendiri dan rakan dengan menumpukan aspek Bahasa Seni Visual.
- 4.4.3 Menceritakan pengalaman sendiri dalam penghasilan karya seni dengan menggunakan bahasa yang betul.

Maksud Cetakan

Cetakan ialah pemindahan imej pada satu permukaan seperti kertas melalui proses terapan blok atau plat yang disapu dakwat.



Koleksi Jabatan Seni Halus, Universiti Teknologi Mara Shah Alam, Cetakan timbunan



Koleksi Jabatan Seni Halus, Universiti Teknologi Mara Shah Alam,
Cetakan sutera saring

Rajah 4.1 Antara contoh jenis-jenis cetakan.

INFO

Cetakan terawal dihasilkan ialah cetakan kayu yang dipercayai bermula pada abad ke-7 Masihi di China. Sejarah cetakan di Malaysia telah dibawa dari China ke Singapura pada tahun 1940-an.

Ketika itu, cetakan dihasilkan berwarna hitam dan putih sahaja. Di Malaysia, cetakan terawal dihasilkan oleh Chuah Thean Teng sekitar 1930-an.

UNSUR SENI

Garisan

Garisan tebal



Garisan halus dan berjarak menimbulkan kesan ton yang cerah.

Garisan kasar dan rapat atau bertindih menimbulkan ton gelap.

Rajah 4.2 Penggunaan garisan dalam Seni Cetak.

Rupa

Rupa positif ialah rupa sesuatu objek yang terletak di dalam satu kawasan tertentu. Rupa negatif ialah ruang di sekeliling rupa objek tersebut.



Rupa positif



Rupa negatif

Rajah 4.3 Rupa positif dan rupa negatif.

Jalinan

Jalinan menimbulkan bentuk dan kesan permukaan objek yang digambarkan.



Rajah 4.4 Penggunaan jalinan dalam karya Seni Cetakan.

PRINSIP REKAAN

Penegasan

Penegasan dalam karya cetakan dapat dihasilkan apabila terdapat imej yang paling ketara dan berbeza dengan imej lain.



Rajah 4.5 Siput di tengah-tengah adalah subjek yang diutamakan dalam karya cetakan ini.

Kepelbagaian

Kepelbagaian wujud hasil daripada pelbagai idea, nilai dan gaya yang berbeza dalam karya Seni Cetakan.



Rajah 4.6 Kepelbagaian pada karya cetakan sutera saring ini ditunjukkan melalui kepelbagaian garisan, warna dan jalinan.

Kontra

Kontra pada cetakan dapat memberi kesan yang menarik melalui penampilan elemen yang berbeza seperti jalinan, warna dan saiz.



Rajah 4.7 Kontra hitam dan putih, ruang dan saiz bentuk menimbulkan kesan pertentangan dalam karya Seni Cetakan ini.

Tujuan:

- Mengenal pasti unsur seni cetakan pada alam semula jadi dan objek buatan manusia.
- Mengenal pasti Bahasa Seni Visual dalam Seni Cetakan.

Langkah:

1. Guru membawa murid ke bilik seni visual.
2. Guru memaparkan contoh-contoh karya cetakan menggunakan perisian multimedia.
3. Bahagikan murid kepada beberapa kumpulan.
4. Setiap kumpulan perlu mencatatkan unsur Seni Cetakan yang terdapat pada contoh karya yang dipaparkan.
5. Tuliskan hasil perbincangan anda dalam satu jadual.

Karya cetakan	Unsur cetakan	Ciri-ciri




Layari laman sesawang <https://arasmega.com/qr-link/aktiviti-multimedia-seni-cetakan/> untuk mendapatkan contoh-contoh karya Seni Cetakan. (Dicapai pada 17 September 2019)



TEKNIK-TEKNIK CETAKAN

CETAKAN TIMBULAN (*RELIEF*)

Penghasilan imej berdasarkan kesan turisan di atas permukaan blok atau plat yang disapu dakwat atau pewarna.



1. Pisau ukir
2. Kepingan lino
3. Dakwat
4. Pensel
5. Sudu
6. Kertas lukisan
7. Perspektif
8. Pengelek

Proses Cetakan Timbulan (*Relief*)



Lakarkan imej di atas kepingan lino.



Ukir imej yang telah dilakar menggunakan pisau ukir untuk menimbulkan imej.



Ratakan warna dengan pengelek ke seluruh permukaan imej pada lino.



Letakan kertas di atas kepingan lino.



Gosokkan keseluruhan permukaan kertas tersebut. Ini adalah proses memindahkan imej dari kepingan lino ke atas kertas.



Karya yang sudah siap.

CETAKAN KOLAGRAF

Teknik ini merupakan hasil kerja yang dihasilkan seperti kolaj di mana permukaan blok cetakan mempunyai jalinan.



1. Blok cetakan
2. Dakwat
3. Klip kertas
4. Putik kapas
5. Gam
6. Gunting
7. Sudu
8. Tali
9. Kertas lukisan
10. Perspek
11. Kertas berjalinan
12. Penggelek

Proses Cetakan Kolagraf



Gunakan pelbagai bahan seperti tali dan klip kertas untuk menghias blok mengikut kreativiti murid.



Letakkan warna di atas perspek dan ratakan warna dengan penggelek.



Ratakan warna dengan penggelek pada keseluruhan blok.



Letakkan kertas di atas blok.



Gosok keseluruhan kertas dengan menggunakan sudu.



Karya yang sudah siap.

CETAKAN SUTERA SARING

Menggunakan pemidang kain sutera saring untuk mencetak imej. Terdapat dua kaedah untuk menghasilkan imej iaitu keratan pendua filem (profilem) atau skrin foto (*photo emulsion*). Cetakan ini memerlukan sekuji untuk meratakan dakwat atau warna ke seluruh permukaan imej cetakan.



1. *Photo emulsion*
2. Dakwat
3. Sutera Saring
4. Sekuji
5. Imej
6. Perspek
7. Pita perekat

Proses Cetakan Sutera Saring



Sapukan *photo emulsion* di atas sutera saring.



Dehaskan blok sutera saring pada cahaya lampu yang mempunyai kuasa yang tinggi di dalam bilik gelap bagi proses pemindahan imej di atas blok tersebut.



Semburkan dengan pancutan air untuk menimbulkan imej yang telah dipindah tadi.



Letak kertas di bawah blok untuk proses cetakan serta letakkan dakwat di atas skrin.



Kemudian gunakan sekuji untuk meratakan warna.



Karya yang sudah siap dicetak.

CETAKAN STENSIL

Merupakan kaedah yang ringkas dan peralatan yang digunakan mudah disediakan. Imej cetakan stensil yang terhasil berdasarkan rupa yang telah dituris.



1. Imej atau lukisan
2. Kertas
3. Pen marker
4. Pisau
5. Span
6. Dakwat
7. Plastik buku
8. *Cutting mat*

Proses Cetakan Stensil



Lukis semula imej atau lukisan di atas plastik buku.



Potong imej di atas plastik buku tersebut dengan cermat.



Letakkan plastik yang telah dipotong di atas kertas.



Gunakan span untuk meratakan dakwat pada keseluruhan imej yang telah dipotong.



Dakwat yang telah siap diratakan.



Karya akhir.

Aktiviti Eksplorasi

Pada bahagian ini, anda akan menggunakan unsur alam semula jadi dan objek buatan manusia untuk menghasilkan Seni Cetakan. Aplikasi teknik dan media yang telah anda pelajari.

Tujuan:

Mengaplikasikan pelbagai media, teknik dan proses Seni Cetakan melalui penerokaan alam semula jadi atau objek buatan manusia.

Lokasi:

Sekitar kawasan sekolah.

Langkah:

1. Aktiviti ini dilakukan secara individu.
2. Lakukan kembara visual di persekitaran sekolah.
3. Kumpulkan pelbagai bahan yang mempunyai jalinan sentuh pada objek alam semula jadi atau objek buatan manusia.
4. Lakukan aktiviti eksperimentasi dalam menghasilkan karya Seni Cetakan.
5. Catatkan bahan, alat dan media yang digunakan untuk menghasilkan cetakan.
6. Bincangkan bersama-sama rakan dan guru anda.



Rajah 4.8 Cetakan menggunakan objek alam semula jadi.




Layari laman sesawang <https://arasmega.com/qr-link/proses-cetakan-stensil-kertas-pendua/> untuk mengetahui proses menghasilkan cetakan stensil kertas pendua. (Dicapai pada 17 September 2019)



Pelbagai sumber alam semula jadi perlu dijaga dan digunakan dengan sebaiknya.

Senaraikan ciri-ciri cetakan stensil dan cetakan sutera saring pada peta minda berikut.



Tujuan:

Menterjemahkan hasil daripada eksperimentasi dan penerokaan media teknik dan proses Seni Cetakan untuk menghasilkan karya dengan menggunakan imaginasi dan idea yang kreatif dan inovatif.

Jenis Cetakan:

Cetakan kolagraf

Peralatan cetak:



INFO

Jalinan merupakan kesan yang terdapat pada permukaan sesuatu objek. Jalinan boleh didapati pada alam semula jadi atau objek buatan manusia dengan fungsi tertentu.



ASAS KEUSAHAWANAN

Kebanyakan cetakan kemeja-T di pasaran menggunakan cetakan sutera saring.



Langkah 1

Susun dan gamkan daun dan lidi di atas kotak hingga membentuk rupa bunga.



Langkah 2

Susun biji lada hitam di ruang tengah antara kelopak daun.



Langkah 3

Susun bahan mengikut kreativiti dan biarkan seketika sehingga gam kering.



NILAI MURNI

Jaga kebersihan dan keselamatan semasa menjalankan aktiviti ini.



Langkah 4

Warnakan hasil susunan tadi mengikut kreativiti dan kesesuaian.



Langkah 5

Tekankan kertas lukisan di atas kotak dan gosok sehingga rata menggunakan sudu.



Langkah 6

Karya cetakan kolagraf.



Layari laman sesawang
<https://arasmega.com/qr-link/proses-cetakan-lino/>
untuk mengetahui proses
penghasilan cetakan lino.
(Dicapai pada 1 Jun 2019)





Tujuan:

- Menghayati dan menjelaskan hasil karya sendiri dan rakan dengan menumpukan aspek Bahasa Seni Visual.

Bahan:



- Hasil karya seni murid dalam Ekspresi Seni.

Langkah:

1. Pamerkan semua karya Seni Cetakan yang dihasilkan di sekitar dinding kelas.
2. Manakala bagi edisi cetakan diletakkan di dalam fail.
3. Semua murid dan guru akan berbincang satu persatu karya yang dihasilkan. Setiap murid diberi masa antara dua ke tiga minit untuk menceritakan karya mereka.
4. Murid membuat analisis dan pemerhatian terhadap karya murid yang lain.



RUMUSAN



LATIHAN SUMATIF

Soalan Objektif

Pilih jawapan yang betul.

1. Cetakan timbulan menggunakan prinsip yang sama dengan
 - A. cetakan sutera saring
 - B. cetakan kolaj stensil
 - C. cetakan kolaj
 - D. cetakan lino



2. Apakah kegunaan alat cetakan di atas?
 - A. Untuk mewarnakan permukaan cetakan
 - B. Untuk meratakan dakwat pada permukaan blok cetakan
 - C. Untuk menyapu dakwat
 - D. Untuk meratakan kertas
3. Cetakan jenis manakah memerlukan skrin pemedang?
 - A. Cetakan sutera saring
 - B. Cetakan benaman
 - C. Cetakan timbulan
 - D. Cetakan kolaj

Soalan Subjektif

Berikan jawapan yang tepat.

1. Berikan maksud cetakan stensil.

_____ 

2. Senaraikan tiga jenis cetakan.

a) _____ 

b) _____ 

c) _____ 

d) _____ 

3. Nyatakan tiga kaedah untuk menghasilkan cetakan sutera saring.

a) _____ 

b) _____ 

c) _____ 

BIDANG: REKA BENTUK

Reka Bentuk berhubung kait dengan penerokaan idea baharu yang kreatif dan inovatif dalam penghasilan sesuatu produk. Reka bentuk yang baik ialah produk yang mampu menjadikan kehidupan lebih mudah, selesa dan teratur.





STANDARD KANDUNGAN

- 5.1 Persepsi Seni dalam Reka Bentuk
- 5.2 Eksplorasi Seni dalam Reka Bentuk
- 5.3 Ekspresi Seni dalam Reka Bentuk
- 5.4 Apresiasi Seni dalam Reka Bentuk

TAJUK 5

REKA BENTUK


Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 5.1.1 Menyatakan maksud Reka Bentuk dengan menggunakan bahasa yang betul.
- 5.1.2 Mengenal pasti Bahasa Seni Visual dalam Reka Bentuk.
- 5.2.1 Mengaplikasikan pelbagai alatan, bahan dan proses melalui penerokaan pada alam semula jadi dan objek buatan manusia dalam penghasilan produk Reka Bentuk.
- 5.3.1 Menghasilkan produk Reka Bentuk dengan menggunakan idea yang kreatif dan inovatif dengan menumpukan aspek:
 - i) Bahasa Seni Visual
 - ii) Kemasan Akhir
- 5.4.1 Mempamerkan hasil produk seni.
- 5.4.2 Menghayati dan menjelaskan hasil produk seni sendiri dan rakan dengan menumpukan aspek Bahasa Seni Visual.
- 5.4.3 Menceritakan pengalaman sendiri dalam penghasilan karya seni dengan menggunakan bahasa yang betul.

Maksud Reka Bentuk

Reka Bentuk merujuk kepada penghasilan atau pengubahsuaian sesuatu produk secara kreatif dan inovatif bagi memenuhi keperluan pengguna. Aspek yang penting dalam Reka Bentuk adalah seperti berikut:



Rajah 5.1 Aspek utama dalam Reka Bentuk.

INFO

Pada awalnya, Reka Bentuk di Malaysia dikaitkan dengan hasil kerja pertukangan dan kerja tangan. Seiring dengan Revolusi Perindustrian, beberapa universiti tempatan mewujudkan kursus Reka Bentuk Industri pada awal tahun 1967. Kemuncak Reka Bentuk di Malaysia bermula dengan pelancaran model kereta nasional pertama iaitu Proton Saga pada tahun 1985.




Rajah 5.2 Model kereta nasional pertama Malaysia, Proton Saga.

BAHASA SENI VISUAL DALAM REKA BENTUK

UNSUR SENI

Bentuk

Unsur yang bersifat tiga dimensi yang mengandung ketinggian, lebar dan kedalaman. Bentuk dapat dirasa, disentuh dan dilihat dari pelbagai sudut.



Rajah 5.3 Antara bentuk yang boleh diolah.



Rajah 5.4 Antara bentuk mengikut kesesuaian fungsi sesuatu produk.

Jalanan

Kesan pada permukaan produk. Contohnya lembut, licin, kasar, halus, kesat, tajam dan sebagainya. Ciri-ciri ini berfungsi untuk memberi keselesaan, keselamatan dan nilai keindahan pada produk.



Rajah 5.5 Permukaan lembut dan tidak tajam pada patung untuk keselesaan dan keselamatan kanak-kanak ketika bermain.

Warna

Warna dapat memberi keindahan dan keceriaan pada produk. Selain itu, warna juga memainkan peranan dalam menentukan fungsi sesuatu produk.



Rajah 5.6 Pelbagai jenis warna disapu pada balang kaca terpakai untuk dijadikan bekas menyimpan alat tulis bertemakan karakter ahli keluarga.



Apakah fungsi warna merah, kuning dan hijau yang terdapat pada lampu isyarat?

PRINSIP REKAAN

Harmoni

Kesan pengulangan dan kesamaan pada warna, bentuk atau jalinan pada produk hingga menimbulkan suasana yang menarik dan selesa pada pengguna.



Rajah 5.7 Pengulangan dan kesamaan bentuk dan warna yang sama pada rak buku menimbulkan kesan harmoni.

Imbangan

Unsur yang memberi keindahan dan keceriaan pada produk. Warna juga memainkan peranan dalam menentukan fungsi sesuatu produk.



Imbangan tidak simetri pada rak pameran.



Imbangan simetri antara bentuk kiri dan kanan.

Rajah 5.8 Contoh prinsip imbangan dalam produk Reka Bentuk.

Tujuan:

- Menunjukkan pemahaman terhadap aspek dalam produk Reka Bentuk.
- Menjelaskan unsur seni dan prinsip rekaan dalam produk Reka Bentuk dengan menggunakan Bahasa Seni Visual yang betul.

Langkah:

1. Bahagikan murid kepada beberapa kumpulan.
2. Guru akan memaparkan slaid contoh-contoh produk Reka Bentuk.
3. Berdasarkan contoh-contoh tersebut, setiap kumpulan dikehendaki untuk:
 - Menjelaskan peranan dan fungsi setiap produk Reka Bentuk.
 - Mengenal pasti serta menjelaskan unsur seni dan prinsip rekaan dalam produk Reka Bentuk menggunakan Bahasa Seni Visual yang sesuai.
4. Catatkan hasil perbincangan untuk dipersembahkan di dalam kelas.



Layari laman sesawang <https://arasmega.com/qr-link/aktiviti-multimedia-reka-bentuk/> untuk memaparkan contoh-contoh produk Reka Bentuk. (Dicapai pada 17 September 2019)

Produk Reka Bentuk	Peranan dan Fungsi Produk	Unsur Seni dan Prinsip Rekaan
Bekas serba guna	Menyimpan alat tulis mengikut jenis	Imbangan tidak simetri unsur bentuk memberikan sifat stabil dan kukuh

1. Nyatakan maksud Reka Bentuk.



2. Beri jawapan yang betul bagi setiap pernyataan yang diberikan di bawah.

Jalinan	Bentuk	Imbangan	Warna	Harmoni
	<p>Kesan pada permukaan tayar memberi cengkaman pada jalan raya.</p>			
	<p>Tinggi, lebar dan rupa yang pelbagai memberikan fungsi berlainan bagi setiap produk.</p>			
	<p>Ragam hias yang sama bagi semua bahagian produk memberikan sifat stabil.</p>			
	<p>Pengulangan tekstur dan rupa yang sama memberikan kesan selesa dan tidak bercanggah.</p>			
	<p>Pelbagai pilihan memberi nilai keindahan dan keceriaan pada produk reka bentuk.</p>			

Produk Reka Bentuk

Proses Reka Bentuk melibatkan penggunaan pelbagai jenis media dan teknik yang sesuai melalui penerokaan alam semula jadi dan objek buatan manusia. Pemilihan bahan yang sesuai penting bagi memastikan produk Reka Bentuk dapat dihasilkan dan berfungsi dengan baik.

MEDIA DALAM REKA BENTUK

Kertas Lukisan

Mempunyai permukaan yang sesuai untuk media kering atau basah seperti pensel, pen marker, warna poster dan sebagainya.



Rajah 5.9 Kertas lukisan dan kegunaannya dalam Reka Bentuk.

Pen Marker

Pen marker yang cepat kering apabila digunakan dan memberi garisan dalam pelbagai warna terang. Ketebalan garisan bergantung pada saiz mata pen.



Rajah 5.10 Pen marker dan kegunaannya dalam Reka Bentuk.

Oil Pastel

Media kering berasaskan minyak. Warnanya bersifat legap dan memberikan kesan jalinan kasar. Warna berlainan boleh digabungkan untuk tona yang menarik.



Rajah 5.11 Oil Pastel dan kegunaannya dalam Reka Bentuk.

Warna Poster

Media basah sesuai untuk mewarna pada permukaan yang luas. Selain itu, boleh disapu secara nipis untuk memberi kesan lut sinar dan disapu tebal untuk kesan legap.



Rajah 5.12 Warna poster dan kegunaannya dalam Reka Bentuk.

Bahan Terbuka

Bahan yang memberikan fungsi dari segi bentuk atau jalinan yang menarik. Contohnya gelung tisu, balang kaca, cawan kertas, kotak minuman, bekas plastik dan sebagainya.



Rajah 5.13 Antara bahan terbuka dan kegunaannya dalam Reka Bentuk.

TEKNIK DALAM REKA BENTUK

Terdapat beberapa jenis teknik yang boleh digunakan dalam pembuatan produk Reka Bentuk. Antaranya adalah seperti berikut:

Teknik Melukis

Garisan yang dilukis pada permukaan produk Reka Bentuk, sama ada untuk menonjolkan rupa, corak, bentuk atau jalinan.



Teknik Mewarna

Teknik mengaplikasikan media warna kering atau basah pada permukaan produk untuk memberikan keindahan dan keceriaan.



Teknik Kolaj

Teknik tampalan bahan dua dimensi, kain atau helaian kertas pelbagai warna dan jalinan untuk memberi kelainan yang menarik.



Teknik Montaj

Teknik menyusun dan menampal secara kreatif cetakan imej atau gambar sedia ada. Pemilihan gambar dan imej biasanya berkaitan dengan konsep Reka Bentuk produk.



Teknik Campuran

Gabungan teknik lukisan, mewarna, kolaj atau montaj secara kreatif. Teknik ini memberi kepelbagaian kesan jalinan yang menarik pada produk Reka Bentuk.



Nyatakan bahan, media dan teknik yang digunakan bagi produk Reka Bentuk pasu bunga di bawah.



PROSES MENGHASILKAN PRODUK REKA BENTUK

Langkah 1



Warnakan cawan kertas secara sekata menggunakan berus lukisan dan warna poster.

Langkah 2



Lakarkan rupa telinga, hidung dan kaki arnab menggunakan kertas warna. Potong lakaran menggunakan gunting.

Langkah 3



Setelah warna kering, tampalkan potongan kertas dan pelekat berbentuk mata menggunakan gam.

Langkah 4



Lukiskan rupa arnab dengan menggunakan pen marker sebagai kemas akhir.

Aktiviti Eksplorasi

Murid perlu meneroka alam semula jadi dan objek buatan manusia untuk menghasilkan produk Reka Bentuk secara kreatif dan inovatif. Aplikasikan media, teknik, unsur seni dan prinsip rekaan yang telah dipelajari.

Tujuan:

Mereka bentuk cawan kertas pelbagai fungsi yang bertemakan 'Perayaan' yang disambut di Malaysia.

Langkah:

Mereka bentuk cawan kertas pelbagai fungsi yang bertemakan 'Perayaan' yang disambut di Malaysia.

1. Murid dibahagikan kepada tiga kumpulan.
2. Murid perlu membuat cadangan bentuk, warna dan jalinan yang sesuai dengan menerapkan elemenimbangan dan harmoni untuk Reka Bentuk cawan kertas bagi tiga perayaan berikut:

Kumpulan A	Kumpulan B	Kumpulan C
Hari Raya	Tahun Baru Cina	Deepavali

3. Murid berbincang dengan rakan sekelas mengikut kefahaman terhadap bahan dan alatan yang dipilih.
4. Hasil tugasan dan perbincangan akan ditampal dan dipamerkan di dalam kelas. Bincangkan hasil dapatan bersama rakan sekelas yang lain. Murid dikehendaki membuat catatan dalam buku nota.



Rajah 5.14 Contoh Reka Bentuk cawan kertas bertemakan perayaan Hari Raya.

Tajuk:

Menghasilkan tempat letak telefon bimbit berfungsi sebagai pembesar suara.

Alat dan bahan:

- | | | |
|--------------------|-------------------|----------------|
| 1. Cawan kertas | 2. Gam | 3. Pensel |
| 4. Kertas bercorak | 5. Pisau pemotong | 6. Gelung tisu |



Langkah 1



Tampal kertas bercorak pada gelung tisu dan cawan kertas.



Penggunaan bahan terpakai seperti gelung tisu membantu menjaga alam sekitar.

Langkah 2



Lukis garisan pada gelung tisu mengikut saiz telefon bimbit. Kemudian lukis garisan pada cawan mengikut saiz gelung tisu.

Langkah 3



Potong gelung tisu dan cawan kertas mengikut garisan yang telah dilukis.

Langkah 4



Masukkan gelung tisu ke dalam lubang cawan kertas. Laraskan cawan untuk kedudukan yang seimbang.

Tujuan:

- Melakukan apresiasi seni berdasarkan produk Reka Bentuk yang telah dihasilkan.

Langkah:

Murid akan mempamer dan menerangkan hasil produk yang telah siap di dalam kelas. Pembentangan hasil produk haruslah menekankan aspek Bahasa Seni Visual seperti unsur seni dan prinsip rekaan yang tepat dan jelas. Perkara-perkara yang perlu anda terangkan adalah seperti berikut:

1. Bahan yang digunakan dalam menghasilkan produk.
2. Media dan teknik yang digunakan untuk menghasilkan produk.
3. Ceritakan pengalaman anda dalam menghasilkan produk tersebut.





Soalan Objektif

Pilih jawapan yang betul.






1. Reka Bentuk yang baik adalah
 - A. produk yang menggunakan kualiti bahan dan kos yang rendah.
 - B. produk yang dihasilkan secara kreatif dan inovatif.
 - C. produk yang ditiru daripada produk sedia ada.
 - D. produk yang cantik dan mahal.
2. Antara berikut yang manakah menerangkan teknik montaj dalam Reka Bentuk?
 - A. Lorekan secara sekata pada permukaan produk untuk mendapatkan jalinan.
 - B. Teknik menyusun dan menampal secara kreatif imej atau gambar sedia ada.
 - C. Cebisan kertas yang dikoyak halus dan ditampal pada produk.
 - D. Teknik mewarna menggunakan pen marker.



3. Apakah prinsip rekaan bagi gambar produk di atas?
 - A. Imbangan tidak simetri
 - B. Imbangan simetri
 - C. Jalinan
 - D. Warna

Soalan Struktur

Jawab (✓) bagi kenyataan yang tepat dan (✗) bagi kenyataan yang salah.

1. Prinsip dan elemen keseimbangan dalam Reka Bentuk menimbulkan unsur penegasan pada produk. 
2. Fungsi dan kreativiti antara perkara yang perlu diambil kira dalam mereka bentuk produk. 
3. Kaca merupakan bahan yang sesuai digunakan dalam Reka Bentuk perabot. 
4. Reka bentuk yang baik akan memberikan keselesaan, dan memudahkan pengguna. 
5. Besi dan pasir ialah bahan yang sesuai digunakan dalam membuat Reka Bentuk. 

BIDANG: SENI KRAF

Seni Kraf merupakan sebuah hasil kerja tangan yang memerlukan kreativiti dan kemahiran dalam penghasilannya. Seni Kraf juga merupakan suatu peninggalan yang diwarisi dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Setiap bangsa dan masyarakat di seluruh dunia mempunyai budaya Seni Kraf yang tersendiri dan diturunkan kepada generasi baharu.





STANDARD KANDUNGAN

- 6.1 Persepsi Seni dalam Seni Keramik
- 6.2 Eksplorasi Seni dalam Seni Keramik
- 6.3 Ekspresi Seni dalam Seni Keramik
- 6.4 Apresiasi Seni dalam Seni Keramik

TAJUK 6

SENI SERAMIK

Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 6.1.1 Menyatakan prinsip asas penghasilan seramik dengan menggunakan bahasa yang betul.
- 6.1.2 Mengenal pasti Bahasa Seni Visual dalam Seni Seramik.
- 6.2.1 Mengaplikasikan pelbagai bahan, teknik dan proses melalui penerokaan pada alam semula jadi dan objek buatan manusia dalam penghasilan produk Seni Seramik.
- 6.3.1 Menghasilkan produk Seni Seramik dengan menggunakan idea yang kreatif dan inovatif dengan menumpukan aspek:
 - i) Bahasa Seni Visual
 - ii) Kemasan Akhir
- 6.4.1 Mempamerkan hasil produk seni.
- 6.4.2 Menghayati dan menjelaskan hasil produk seni sendiri dan rakan dengan menumpukan aspek Bahasa Seni Visual.
- 6.4.3 Menceritakan pengalaman sendiri dalam penghasilan karya seni dengan menggunakan bahasa yang betul.

Maksud Seni Seramik

Seramik merujuk kepada semua bentuk produk yang berasal daripada tanah liat. Seramik membawa maksud yang sama dengan tembikar.



Labu Sayong



Tembikar Sarawak

Rajah 6.1 Antara contoh produk tembikar yang terkenal di Malaysia.

INFO

Seni Tembikar yang terkenal di Malaysia terletak di Perak (Labu Sayong), Kelantan (Tembikar Mambong), Pahang (Terenang), dan Sarawak (Tembikar Sarawak).



Layari laman sesawang <https://arasmega.com/qr-link/seramik-tradisional-di-malaysia/> untuk mendapatkan maklumat tambahan mengenai seramik tradisional di Malaysia. (Dicapai pada 17 September 2019)

BAHASA SENI VISUAL DALAM SENI SERAMIK

UNSUR SENI

Bentuk

Bentuk ialah hasil gabungan rupa pada produk seramik dan bersifat tiga dimensi. Bentuk akan menentukan fungsi sesuatu produk seramik.



Bentuk organik



Bentuk geometri

Rajah 6.2 Antara contoh unsur bentuk dalam Seni Seramik.

Jalinan

Jalinan adalah sifat yang terdapat pada permukaan seramik yang boleh dikesan secara tampak atau sentuhan. Unsur jalinan memberi penegasan kepada sesuatu motif dan ragam hias pada produk seramik.



Jalinan sentuh



Jalinan tampak

Rajah 6.3 Antara contoh unsur jalinan dalam Seni Seramik.

Garis

Garis boleh menunjukkan motif dan ragam hias pada permukaan seramik. Susun atur garis yang menarik mampu menimbulkan kesan jalinan yang harmoni dan seimbang.



Garis selari



Garis beralun

Rajah 6.4 Antara contoh unsur garis dalam Seni Seramik.

PRINSIP REKAAN

Harmoni

Harmoni merupakan tindak balas melalui keseragaman unsur bentuk, garisan, jalinan dan warna dalam produk seramik. Harmoni juga menimbulkan kesan kesatuan dan tidak bercanggah antara satu sama lain.




Rajah 6.4 Contoh prinsip harmoni pada produk Seni Seramik.

Imbangan

Imbangan simetri dan tidak simetri wujud apabila adanya kesamaan dan kesepadanan dari segi berat, saiz atau tarikan tumpuan perhatian pada produk seramik. Imbangan penting bagi memastikan produk seramik stabil dan kukuh.



Imbangan simetri mempunyai kesamaan pada bahagian kiri dan kanan produk seramik.



Imbangan tidak simetri mempunyai ketidaksamaan pada bahagian kiri dan kanan produk seramik.


Rajah 6.5 Prinsip imbangan pada produk seramik.

Tujuan:

- Menunjukkan pemahaman terhadap Seni Seramik.
- Menjelaskan Seni Seramik dengan menggunakan Bahasa Seni Visual yang betul.

Langkah:

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Guru memaparkan slaid contoh-contoh produk seramik.
3. Berdasarkan contoh-contoh tersebut, setiap kumpulan dikehendaki untuk mengenal pasti serta menjelaskan Seni Seramik menggunakan Bahasa Seni Visual.
4. Catatkan hasil perbincangan untuk dipersembahkan di dalam kelas.



Contoh Seni Seramik	Jenis Seni Seramik	Prinsip Asas Seni Seramik
Terenang	Seramik tradisional	Imbangan simetri unsur bentuk dan jalinan pada bahagian kiri serta kanan terenang

BAHAN DAN ALATAN DALAM SENI SERAMIK

Bahan

Tanah liat perlu diuli bagi memastikan ia berada dalam keadaan padat dan sekata.



Rajah 6.6 Tanah liat.

Alatan

Alatan pembuatan seramik diguna pakai dalam proses pembentukan, membuat jalinan dan kemasan akhir.



Jarum seramik
Menanda dan membuat torehan.



Pisau seramik
Memotong kepingan tanah liat.



Span seramik
Membuat kemasan akhir.



Papan penggelek
Alas untuk menggelek tanah liat.



Kayu penggelek
Menggelek dan meratakan tanah liat.



Dawai pemotong
Memotong tanah liat.



Alat pembentuk / Kayu ukiran
Pembentukan dan kemasan akhir.



Besen
Bekas menyimpan tanah liat.

Rajah 6.7 Alatan pembuatan produk seramik.

TEKNIK PEMBUATAN SENI SERAMIK

Terdapat beberapa jenis teknik yang digunakan dalam pembentukan produk seramik. Antaranya adalah seperti berikut:

1 Teknik picit

Tembikar dihasilkan dengan menekan dan memicit ketulan tanah liat dari bahagian tengah.



2 Teknik lingkaran

Tanah liat digelek dengan tangan menjadi lingkaran panjang dan dilingkar membentuk tembikar.



3 Teknik kepingan

Cecair tanah liat digunakan untuk mencantum kepingan bagi membentuk tembikar.



4 Teknik lempar alin

Ketulan tanah liat diletak di tengah mesin lempar alin dan dibentuk semasa mesin berputar.



Rajah 6.8 Produk seramik hasil gabungan pelbagai teknik pembuatan.

PROSES PEMBUATAN PRODUK SERAMIK

Proses menghasilkan produk Seni Keramik dengan menggunakan teknik lingkaran adalah seperti berikut:



Tanah liat digelek setebal kira-kira satu sentimeter dan dipotong bulat untuk dijadikan tapak.



Tanah liat diuli secara memanjang.



Tanah liat yang cair disapu pada tapak dan lingkaran yang akan disambung.



Ulang lingkaran tanah liat untuk mendapat bentuk yang diinginkan.



Permukaan luar dan dalam boleh diratakan dengan alat pembentuk.



Produk yang telah siap. Pastikan setiap cantuman telah dikemaskan.

Aktiviti Eksplorasi

Tujuan:

- Anda telah memahami teknik lingkaran secara asas. Namun, teknik ini boleh diubah suai secara kreatif dengan menerapkan unsur seni dan prinsip rekaan Seni Seramik.

Lokasi:

- Bilik Seni Visual.

Langkah:

1. Murid dibahagikan kepada tiga kumpulan.
2. Murid dikehendaki membuat teknik lingkaran mengikut kreativiti.



3. Murid berbincang dengan rakan sekelas mengikut kefahaman terhadap bahan, teknik dan alatan dalam teknik lingkaran.
4. Hasil tugasan dan perbincangan akan ditampal dan dipamerkan di dalam kelas. Bincangkan hasil dapatan bersama rakan sekelas yang lain. Murid dikehendaki membuat catatan dalam buku nota.



1. Pilih penggunaan Bahasa Seni Visual yang tepat dalam Seni Seramik berdasarkan pilihan jawapan yang diberi.



Unsur Seni

- a)
- b)
- c)

Prinsip Rekaan

- a)
- b)

2. Padankan gambar teknik-teknik pembuatan Seni Seramik dengan pilihan jawapan yang diberi.



- a)



- b)



- c)



- d)

Tajuk:

Menghasilkan pasu seramik dengan menggunakan idea yang kreatif dan menerapkan aspek Bahasa Seni Visual.

Alat dan bahan:



Tanah liat



Cat akrilik



Papan penggelek



Jarum seramik



Berus lukisan



Alat pembentuk



Penggelek

Langkah 1



Potong tanah liat yang telah ditekan menggunakan jarum seramik untuk dijadikan tapak pasu.

Langkah 2



Uli tanah liat secara memanjang menggunakan kedua belah tangan. Pastikan ketebalan sekata.



Jaga kebersihan dan keselamatan semasa menjalankan aktiviti ini.

Langkah 3



Lekatkan lingkaran tanah liat pada tapak pasu. Kemaskan cantuman dengan alat pembentuk.

Langkah 4



Ulang sambungan lingkaran tanah liat. Sapu cecair tanah liat bagi setiap sambungan.

Langkah 5



Gunakan alat pembentuk seramik untuk membuat kemas pada permukaan pasu.

Langkah 6



Gunakan pelbagai jenis lingkaran mengikut kreativiti. Lekat dan kemaskan cantuman.

Langkah 7



Tambah lingkaran pada bahagian luar sebagai hiasan tambahan.

Langkah 8



Setelah tanah liat kering, warnakan pasu dengan warna akrilik mengikut kreativiti anda.

Tujuan:

Melakukan apresiasi seni berdasarkan produk Seni Keramik yang telah dihasilkan.

Langkah:

Murid akan mempamerkan dan menerangkan hasil produk yang telah siap di dalam kelas. Pembentangan hasil produk haruslah menekankan aspek Bahasa Seni Visual yang tepat dan jelas. Perkara-perkara yang perlu diterangkan adalah seperti berikut:

1. Teknik seramik yang digunakan dalam menghasilkan produk.
2. Fungsi dan motif yang telah dihasilkan.
3. Ceritakan pengalaman anda dalam menghasilkan Seni Seramik.





Seni Keramik

Produk yang diperbuat daripada tanah liat. Ia dibentuk ketika tanah liat masih lembut, dikeringkan dengan udara dan melalui pembakaran.

Bahasa Seni Visual

Unsur Seni

- Bentuk
- Jalinan
- Garisan

Prinsip Rekaan

- Harmoni
- Imbangan

Bahan dan Alat

- Tanah liat
- Dawai pemotong
- Penggelek
- Alat pembentuk
- Alat pengukir
- Jarum seramik
- Pisau seramik
- Span



Teknik picit



Teknik kepingan



Teknik lingkaran



Teknik lempar alin

TEKNIK PEMBUATAN SENI SERAMIK





LATIHAN SUMATIF

Soalan Objektif

1. Antara berikut yang manakah bukan Bahasa Seni Visual bagi Seni Seramik?
 - A. Imbangan
 - B. Harmoni
 - C. Garisan
 - D. Bayang
2. Apakah bahan yang digunakan untuk mencantum dua permukaan tanah liat?
 - A. Cecair tanah liat
 - B. Pita pelekat
 - C. Minyak
 - D. Gam
3. Apakah bahan utama untuk menghasilkan Seni Seramik?
 - A. Tanah gambut
 - B. Tanah kapur
 - C. Tanah pasir
 - D. Tanah liat
4. Labu Sayong merupakan Seni Seramik yang berasal dari negeri?
 - A. Kelantan
 - B. Sarawak
 - C. Melaka
 - D. Perak

Soalan Struktur

Jawab (✓) bagi kenyataan yang tepat dan (✗) bagi kenyataan yang salah.

1. Tembikar perlu dibakar untuk mengekalkan bentuknya. 
2. Selain tanah liat, tanah pasir juga sesuai digunakan dalam pembuatan seramik. 
3. Tanah liat perlu diuli untuk memadatkan tanah serta membuang liang udara (*pinhole*) di dalamnya. 
4. Teknik lingkaran adalah proses menekan dan memicit ketulan tanah liat dari bahagian tengah sehingga mendapat bentuk yang diinginkan. 

BIDANG: KOMUNIKASI VISUAL

Komunikasi Visual merupakan seni komunikasi secara tampak. Komunikasi Visual melibatkan kaedah penyampaian informasi secara ringkas, mudah difahami, kreatif dan menarik.





STANDARD KANDUNGAN

- 7.1 Persepsi Seni dalam Seni Reka Grafik
- 7.2 Eksplorasi Seni dalam Seni Reka Grafik
- 7.3 Ekspresi Seni dalam Seni Reka Grafik
- 7.4 Apresiasi Seni dalam Seni Reka Grafik

TAJUK 7

SENI REKA GRAFIK

Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 7.1.1 Menyatakan maksud Seni Reka Grafik dengan menggunakan bahasa yang betul.
- 7.1.2 Mengenal pasti Bahasa Seni Visual dalam Seni Reka Grafik.
- 7.2.1 Mengaplikasikan pelbagai media, teknik dan proses melalui penerokaan pada alam semula jadi dan objek buatan manusia dalam penghasilan karya Seni Reka Grafik.
- 7.3.1 Menghasilkan karya Seni Reka Grafik dengan menggunakan idea yang kreatif dan inovatif dengan menumpukan aspek:
 - i) Bahasa Seni Visual
 - ii) Kemasan Akhir
- 7.4.1 Mempamerkan hasil karya seni.
- 7.4.2 Menghayati dan menjelaskan hasil karya seni sendiri dan rakan dengan menumpukan aspek Bahasa Seni Visual.
- 7.4.3 Menceritakan pengalaman sendiri dalam penghasilan karya seni dengan menggunakan bahasa yang betul.

Maksud Seni Reka Grafik

Seni Reka Grafik merujuk kepada penyampaian sesuatu mesej dan maklumat yang ringkas, padat dan menarik dalam bentuk dua dimensi. Asas visual yang digunakan adalah gabungan antara lukisan, gambar, tulisan dan simbol. Contoh Seni Reka Grafik boleh dilihat pada poster, logo, papan tanda, akhbar, majalah, pembungkusan dan sebagainya.



Rajah 7.1 Gabungan gambar, tulisan dan simbol dalam poster.

INFO

Perkataan grafik berasal daripada bahasa Yunani iaitu *graphikos* yang membawa bermaksud boleh melukis dan menulis.

UNSUR SENI

Garisan

Garisan akan mewujudkan rupa dan bentuk yang melambangkan sesuatu imej. Pelbagai garisan boleh digunakan seperti garisan nipis, tebal, beralun dan lurus.



Unsur garisan dalam poster menampakkan rupa dan bentuk tulisan, bendera dan peta Malaysia.



Penggunaan pelbagai garisan beralun menggambarkan imej grafik sungai mengalir.

(Sumber logo: Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia)

Rajah 7.2 Penggunaan garisan dalam karya Seni Reka Grafik.

Rupa

Rupa ialah hasil pertemuan antara hujung dengan permulaan garisan. Rupa boleh bersifat organik dan geometri. Rupa dapat diringkaskan menjadi imej yang mempunyai maksud dalam Seni Reka Grafik seperti rekaan poster, logo dan papan tanda.



Rupa organik berasaskan alam semula jadi.



Rupa geometri berasaskan objek buatan manusia.

Rajah 7.3 Penggunaan rupa dalam karya Seni Reka Grafik.

Warna

Warna dapat mewujudkan suasana dan emosi dalam Seni Reka Grafik. Warna yang menarik dan bersesuaian juga mampu menarik perhatian manusia dalam menyampaikan maklumat dan mesej.



Rajah 7.4 Penggunaan warna panas dan sejuk dalam karya Seni Reka Grafik.

PRINSIP REKAAN

Kontra

Kontra wujud jika ada unsur-unsur seni yang bertentangan atau bercanggah dalam Seni Reka Grafik.



Percanggahan jalinan, warna, bentuk dan rupa menarik perhatian serta memberi fokus.

Rajah 7.5 Kontra dalam karya Seni Reka Grafik.

Penegasan

Penegasan wujud apabila terdapat sesuatu unsur yang menonjol atau kontra dalam Seni Reka Grafik.



Penegasan digunakan pada papan tanda.



Bunga raya berwarna merah kelihatan lebih menonjol dan dominan.

Rajah 7.6 Contoh penegasan dalam karya Seni Reka Grafik.

Imbangan

Imbangan wujud apabila terdapat kesamaan dan kesepadanan dari segi berat, tarikan dan tumpuan. Imbangan boleh dihasilkan melalui susun atur, rupa, warna dan jalinan secara simetri atau tidak simetri.



Imbangan tidak simetri.
(Sumber logo: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)



Imbangan simetri pada Jata Negara.
(Sumber logo: Jabatan Penerangan Malaysia)

Rajah 7.7 Imbangan dalam karya Seni Reka Grafik.

Tujuan:

- Menunjukkan pemahaman terhadap Seni Reka Grafik.
- Menjelaskan unsur seni dan prinsip rekaan dalam Seni Reka Grafik dengan menggunakan Bahasa Seni Visual yang betul.

Langkah:

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Guru akan memaparkan slaid contoh-contoh Seni Reka Grafik.
3. Berdasarkan contoh-contoh tersebut, setiap kumpulan dikehendaki:
 - a) Menjelaskan jenis dan peranan bagi setiap Seni Reka Grafik.
 - b) Mengenal pasti serta menjelaskan unsur seni dan prinsip rekaan dalam Seni Reka Grafik menggunakan Bahasa Seni Visual yang sesuai.
4. Catat hasil perbincangan untuk dipersembahkan di dalam kelas.



Jenis	Peranan	Unsur Seni dan Prinsip Rekaan
Papan tanda	Peringatan mengendalikan bahan mudah terbakar	Imbangan simetri unsur rupa, penggunaan warna yang mewujudkan penegasan dan kontra.



Layari laman sesawang <https://arasmega.com/qr-link/aktiviti-multimedia-seni-reka-grafik/> untuk memaparkan contoh-contoh karya Seni Reka Grafik. (Dicapai pada 17 September 2019)

MEDIA DALAM SENI REKA GRAFIK

Kertas Surih

Kertas separa lut sinar yang boleh dilihat imej melaluinya. Kertas ini ditekap pada gambar atau imej asal, kemudian lakaran dibuat di atasnya.



Rajah 7.8 Kertas surih dan kegunaannya dalam Seni Reka Grafik.

Pen Marker

Pen marker sesuai digunakan untuk membuat garisan secara terkawal dalam pelbagai warna yang terang dan menarik.



Rajah 7.9 Pen marker dan kegunaannya dalam Seni Reka Grafik.

Oil Pastel

Warnanya bersifat legap dan jika digabungkan dengan warna yang berlainan akan menghasilkan tona yang menarik.



Rajah 7.10 Oil pastel dan kegunaannya dalam Seni Reka Grafik.

Warna Poster

Media basah yang menggunakan bahantara air. Ia boleh disapu secara nipis untuk memberi kesan lut sinar dan disapu tebal untuk kesan legap.



Rajah 7.11 Warna poster dan kegunaannya dalam Seni Reka Grafik.

Bahan Terbuka

Bahan terbuka yang boleh diguna pakai dalam menghasilkan karya Seni Reka Grafik.



Rajah 7.12 Bahan terbuka dan kegunaannya dalam Seni Reka Grafik.



Rupa dan warna bendera negeri di Malaysia mempunyai maksud dan perlambangan yang tersendiri. Nyatakan negeri dan maksud bagi setiap bendera di bawah.



TEKNIK DALAM SENI REKA GRAFIK

Terdapat beberapa jenis teknik yang boleh digunakan dalam penghasilan karya Seni Reka Grafik. Antaranya adalah seperti berikut:

Melukis




Teknik asas dalam Seni Reka Grafik. Garisan dilukis menggunakan media kering. Untuk menonjolkan rupa, corak, bentuk atau jalinan.

Mewarna



Menggunakan media kering atau basah untuk memberikan keindahan dan keceriaan.

Kolaj



Teknik tampalan bahan dua dimensi atau cebisan kertas pelbagai warna dan jalinan.

Montaj



Teknik menyusun, menampal imej dan gambar secara kreatif.

Campuran




Gabungan teknik lukisan, mewarna, kolaj ataupun montaj yang diolah secara kreatif. Teknik ini mampu memberi kesan penegasan dan kontra dalam karya Seni Reka Grafik.

INFO


Chalkboard art merupakan Seni Reka Grafik yang menggunakan media kapur berwarna, dan dilukis pada permukaan hitam. Lukisan ini biasa dilihat di kafe dan restoran.

PROSES MENGHASILKAN SENI REKA GRAFIK

Bentuk, warna, garisan dan rupa daripada objek alam semula jadi akan diteliti dan diringkaskan. Unsur-unsur ini diolah dalam menghasilkan karya Seni Reka Grafik.



Rajah 7.13 Kajian terhadap bentuk, warna, garisan dan rupa.



Rajah 7.14 Idea karya Seni Reka Grafik bagi ikan.


Aktiviti Eksplorasi

Tujuan:

Mengaplikasikan pengetahuan dan kefahaman terhadap media, teknik dan proses penghasilan karya Seni Reka Grafik secara kreatif melalui penerokaan pada alam semula jadi dan objek buatan manusia.

Langkah:

1. Murid memilih satu objek alam semula jadi atau objek buatan manusia.
2. Murid membuat pemerhatian dan diminta untuk mempermudah objek tersebut menggunakan media dan teknik dalam Seni Reka Grafik.
3. Hasil tugas akan ditampal dan dipamerkan di dalam kelas. Bincangkan hasil dapatan bersama rakan sekelas yang lain.
4. Murid dikehendaki membuat catatan dalam buku nota.



Rajah 7.15 Hasil eksplorasi objek alam semula jadi ke dalam bentuk Seni Reka Grafik.

1. Nyatakan maksud Seni Reka Grafik secara ringkas.
2. Anda dikehendaki membuat sesi apresiasi seni karya di bawah dari aspek:
 - a) Unsur seni dan prinsip rekaan.
 - b) Media dan teknik yang digunakan.



Tujuan:

- Menghasilkan poster bertemakan 'Negeraku Malaysia' dengan menggunakan media, teknik dan idea yang kreatif serta menerapkan aspek Bahasa Seni Visual yang sesuai.

Alat dan bahan:



Cat poster



Kertas warna



Kertas surih



Berus lukisan



Pen marker



Kertas lukisan



Gam



Gunting



Pensel

Langkah 1



Cetak perkataan pada kertas warna. Kemudian, gunting kertas tersebut mengikut garisan.

Langkah 2



Berpandukan lukisan di kertas surih, lukis bunga raya di sekeliling garisan pada kertas lukisan.

Langkah 3



Lukis dan warnakan daun menggunakan warna poster.

Langkah 4



Lukis bunga raya pada kertas warna dan gunting.



Jaga kebersihan dan keselamatan semasa menjalankan aktiviti ini.

Langkah 5



INFO

Murid boleh menyusun atur karya mengikut kreativiti.

Tampal kertas warna yang telah digunting pada kertas lukisan dengan menggunakan gam.



Karya yang telah siap.

Tujuan:

- Melakukan apresiasi seni berdasarkan karya Seni Reka Grafik yang dihasilkan.

Langkah:


Murid akan mempamerkan dan menerangkan hasil karya yang telah siap di dalam kelas. Pembentangan hasil karya haruslah menekankan aspek Bahasa Seni Visual yang tepat dan jelas. Perkara-perkara yang perlu anda terangkan adalah seperti berikut:

1. Idea dalam menghasilkan karya.
2. Media dan teknik yang digunakan untuk menghasilkan karya.
3. Ceritakan pengalaman anda dalam menghasilkan karya tersebut.





RUMUSAN



LATIHAN SUMATIF

Soalan Objektif

Pilih jawapan yang betul.

1. Antara media berikut manakah tidak sesuai digunakan dalam Seni Reka Grafik?
 - A. Warna poster
 - B. Pensel arang
 - C. Pen marker
 - D. *Oil pastel*

Kertas separa lut sinar yang boleh dilihat melaluinya. Kertas ini ditekap pada gambar, kemudian lakaran dibuat di atasnya mengikut rupa gambar asal.

2. Merujuk kepada pernyataan di atas, apakah bahan yang dimaksudkan?
 - A. Kertas pembalut hadiah
 - B. Kertas lukisan
 - C. Kertas surih
 - D. Plastik



3. Apakah prinsip rekaan yang terdapat dalam logo di atas?
 - A. Harmoni
 - B. Garisan
 - C. Warna
 - D. Rupa

Soalan Struktur

Isi tempat kosong dengan jawapan yang tepat.

dua dimensi	ringkas	kapur
imbangan simetri	warna poster	logo
pen penanda	penegasan	

1. _____ terjadi apabila terdapat sesuatu unsur yang menonjol, ganjil atau dominan dalam karya Seni Reka Grafik.
2. *Chalkboard art* adalah karya seni yang menggunakan _____ berwarna sebagai media utama.
3. _____ digunakan untuk membuat garisan secara terkawal dalam pelbagai warna yang terang dan menarik.
4. Teknik kolaj merujuk kepada kaedah tampilan bahan _____ atau cebisan kertas pelbagai warna dan jalinan.
5. Unsur _____ dapat dilihat pada Jata Negara.
6. Seni Reka Grafik merupakan penyampaian sesuatu mesej dan maklumat yang _____ dan menarik dalam bentuk visual dua dimensi.
7. _____ adalah media basah yang sesuai digunakan dalam Seni Reka Grafik.
8. Contoh Seni Reka Grafik boleh dilihat pada poster, _____, papan tanda, akhbar, majalah dan pembungkusan.

GLOSARI

alla prima kaedah menghasilkan lukisan cat dengan menyapu warna hanya sekali.

arca karya seni berbentuk tiga dimensi atau bentuk ukiran timbul.

bahantara bahan yang digunakan pelukis untuk mengasihkan karyanya.

bahan terbuka merangkumi bahan yang telah diguna pakai atau kitar semula dan bahan baharu.

Eksplorasi bahan tidak terhad seperti mengguna pakai istilah bahan terbuang.

blok kayu yang telah diguris yang digunakan untuk mencetak.

cat akrilik cat sintetik yang berasaskan air.

cat tempera cat daripada serbuk pewarna yang diadun dengan bahan pengikat, seperti kuning telur atau gam cecair, untuk menjadi emulsi campuran air.

estetik keindahan atau penghargaan terhadap sesebuah karya seni.

gurisan hasil cetak yang melalui proses intaglio.

hard edge lukisan cat abstrak yang mempunyai rupa-rupa bentuk yang jelas dan berbatasan tepat serta gubahan yang ringkas.

ilustrasi gambar (lukisan dan sebagainya) untuk menerangkan atau menghiasi sesuatu (buku, majalah dan lain-lain).

impasto penggunaan cat yang tebal pada lukisan.

kanvas bahan fabrik yang dijadikan sebagai permukaan lukisan cat.

kemasan karya penyempurnaan kerja seni sebelum dipamer atau dijual.

litografi proses mencetak dengan tapak satah daripada batu, logam atau plastik.

minyak linsid minyak rami yang dijadikan sebagai campuran cat minyak dalam teknik lukisan cat minyak.

mobail arca yang mengandungi bentuk yang pelbagai, yang digantung dan akan bergoyang atau bergerak apabila ditiup angin.

palet alat daripada kepingan papan, kaca atau plastik yang digunakan oleh pelukis cat untuk menyediakan cat sebelum disapu pada lukisan.

pisau palit pisau untuk memalit atau mengadun cat.

scumbling menyapu lapisan warna legap atau separuh legap pada permukaan lukisan cat minyak untuk mendapatkan kesan kusam dan bertekstur.

seramik seni membuat barang-barang atau hiasan daripada tanah liat.

stabail arca yang serupa dengan mobail tetapi tidak bergerak.

tembikar barang-barang seramik, khususnya yang dibuat daripada tanah liat berliang.

turpentin minyak pelarut yang tidak berwarna yang digunakan sebagai pencair cat minyak.

ukiran bentuk seni yang dihasilkan melalui proses memotong, menggaris, menoreh dan sebagainya pada permukaan kayu, batu, tanah liat dan sebagainya.

RUJUKAN

- Chan Woon Hoon, (2008). *Teori Seni Visual* (Edisi ke-2). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Mohd Ghazali, (2012). *Seni Visual*. Tanjung Malim: Citra Grafik.
- Janet Whitte, (2015). *Melukis Bunga dengan Cara Mudah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM).
- John A. Michael, (1983). *Art and Adolescence: Teaching Art at the Secondary Level*. New York: Teacher College Press.
- Michael Wright, (2014). *An Introduction to Pastels*. London: Dorling Kindersley Limited.
- Mohd. Johari Ab. Hamid, (2006). *Asas Seni Visual*. Tanjung Malim: Penerbit UPSI.
- Ocvirk, Stinson, Wigg, Bone & Cayton, (1998). *Art Fundamentals Theories and Practice (Eighth Edition)*. United States: Mcgraw-Hill College.
- Ray Smith, (2014). *An Introduction to Oil Painting*. London: Dorling Kindersley Limited.
- Rozaini Omar, (2009). *Lukisan Cat Air: Langkah demi Langkah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM).
- Wan Hasmah Wan Mamat & Nur Munirah Teoh Abdullah, (2015). *Siri Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran: Kecerdasan Pelbagai*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zahir Yusof, (2009). *Dekorasi Seni Lukis & Decoupage untuk Hiasan Dapur*. Shah Alam: Kumpulan Karang kraf Sdn. Bhd.

Dengan ini **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baiknya dan bertanggungjawab atas kehilangannya, serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

Skim Pinjaman Buku Teks			
Sekolah _____			
Tahun	Tingkatan	Nama Penerima	Tarikh Terima
Nombor Perolehan: _____			
Tarikh Penerimaan: _____			
BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL			



RM14.85

ISBN 978-967-2212-66-9



9 789672 212669

FT180001

